



***STRATEGI PADANAN LEKSIKAL HAIWAN DAN IMPLIKASINYA DALAM  
KAMUS BESAR ARAB MELAYU DEWAN***

**MOHD BAKRI BIN AZIZ @ SAARI**

**FBMK 2020 23**



**STRATEGI PADANAN LEKSIKAL HAIWAN DAN IMPLIKASINYA DALAM  
KAMUS BESAR ARAB MELAYU DEWAN**

**Oleh**

**MOHD BAKRI BIN AZIZ @ SAARI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## **STRATEGI PADANAN LEKSIKAL HAIWAN DAN IMPLIKASINYA DALAM KAMUS BESAR ARAB MELAYU DEWAN**

Oleh

**MOHD BAKRI BIN AZIZ @ SAARI**

**November 2019**

**Pengerusi : Profesor Madya Abd Rauf bin Hassan, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian tentang padanan dalam kamus dwibahasa di Malaysia tertumpu pada konsep dan strategi padanan yang melibatkan leksikal budaya. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan kesukaran memadankan leksikal bahasa sumber yang berunsur budaya dan kesukaran ini menuntut penggunaan strategi tertentu untuk mengatasi gejala *anisomorfisme*. Pemilihan strategi padanan yang sesuai untuk diaplikasikan merupakan masalah dan cabaran yang kritikal dalam penyusunan sesebuah kamus dwibahasa. Sehubungan dengan itu, kajian tentang leksikal dan strategi padanan yang melibatkan leksikal haiwan secara menyeluruh terutamanya dalam kamus dwibahasa pasangan Arab-Melayu juga memerlukan lebih perhatian. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti leksikal haiwan, menganalisis strategi padanan yang diaplikasikan oleh para penyusun KBAMD dan menghuraikan implikasi penggunaan strategi padanan tersebut kepada proses penyusunan KBAMD. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif menerusi penerapan reka bentuk analisis dokumen terhadap leksikal haiwan dalam KBAMD dan padanannya dalam bahasa Melayu. Data kajian yang dipetik daripada KBAMD dianalisis mengikut objektif kajian. Pengenalpastian leksikal haiwan dilakukan berdasarkan padanan bahasa Melayu dan rujukan dalam kamus ekabahasa Arab, manakala analisis strategi padanan secara deskriptif dilaksanakan mengikut pendekatan al-Kasimi (1977). Dapatan kajian menunjukkan bahawa leksikal haiwan yang paling banyak ditemukan dalam KBAMD ialah leksikal unta, kuda, singa, kambing, helang dan ular. Hasil kajian juga mendapati strategi padanan terjemahan bagi leksikal haiwan dalam KBAMD merangkum tiga jenis kata nama, iaitu kata nama am, kata nama ganda dan kata nama pinjaman. Sementara itu, strategi padanan penjelasan pula melibatkan padanan frasa nama, gabungan dua unsur bahasa Melayu yang diselangi kata hubung 'yang', gabungan kata nama 'sejenis' dan unsur bahasa Melayu, gabungan unsur bahasa Arab dan bahasa Melayu, ayat tunggal dan unsur keterangan. Selain dua strategi padanan tersebut, hasil analisis data juga menemukan padanan ensiklopedia. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa implikasi strategi padanan yang digunakan dalam KBAMD bagi memadankan leksikal haiwan bukan sahaja mengakibatkan perkongsian padanan untuk beberapa leksikal, malah juga menyebabkan kekaburan makna leksikal haiwan. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan panduan kepada para penyusun tentang strategi padanan leksikal haiwan dan implikasinya terhadap penyusunan kamus dwibahasa Arab-Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**ANIMAL LEXICAL EQUIVALENT STRATEGIES AND THEIR IMPLICATIONS IN THE *KAMUS BESAR ARAB MELAYU DEWAN***

By

**MOHD BAKRI BIN AZIZ @ SAARI**

**November 2019**

**Chairman : Associate Professor Abd Rauf bin Hassan, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Research on ‘equivalent’ in bilingual dictionaries in Malaysia focuses on concepts and matching strategies that involve cultural lexical items. Previous findings have shown difficulties in matching lexicals of source language related to culture, and these difficulties require the usage of specific strategies to overcome anisomorphemic indications. The application of a suitable choice of matching strategy is a problem and critical challenge in the compilation of a bilingual dictionary. Therefore, research on lexical and matching strategies that involve animal lexical items on the whole, especially in Malay-Arabic bilingual dictionaries requires further attention. Thus, this research aims to identify animal lexical items, analyse matching strategies that are applied by KBAMD dictionary compilers, and examine the respective matching strategy implications usage in the drafting process of the KBAMD. This research applies the qualitative approach by adopting document analysis on animal lexical items in the KBAMD, and their equivalent in the Malay language. Data extracted from the KBAMD were analysed according to the objectives of the research. Animal lexical categorisations were made based on Malay language equivalents and referencing in the Arabic monolingual dictionary, whereas descriptive matching strategy analysis was made according to the al-Kasimi (1977) approach. Findings show that animal lexical items that were most found in the KBAMD are camel, horse, lion, goat, eagle and snake. They also show that the translation equivalent strategy for animal lexical items in the KBAMD includes three types of nouns, which are common nouns, noun duplication, and noun borrowing. Meanwhile, the explanation equivalent strategy involves phrasal matching, the combination of two Malay language elements punctuated by the conjunction ‘yang’, the combination of the noun ‘*sejenis*’ and Malay language elements, the combination of Arabic and Malay language elements, single phrase, and explanation elements. Apart from the two equivalent strategies mentioned, data analysis results also uncovered the encyclopaedic equivalent. Findings also show that equivalent strategy implications that are used in the KBAMD to match animal lexical items have resulted in not only shared equivalents for a few lexicals, but also caused obscured animal lexical meanings. Overall, this research provides a guideline to compilers on animal lexical equivalent strategies, and the implications on the compilation of Malay-Arabic bilingual dictionaries.

## PENGHARGAAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ،

Alhamdulillah, segala puji dipanjatkan kepada Allah SWT yang telah melimpahkan segala nikmat dan menjauhkan segala keburukan serta membimbing hamba-Nya ke jalan yang lurus. Selawat dan salam ditujukan kepada pembawa panji kebenaran, junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang telah menyampaikan risalah dakwah yang menyinari Tanah Haram dan seterusnya membawa rahmat ke seluruh pelosok alam.

Pada kesempatan ini, pengkaji mengabadikan penghargaan yang sedalam-dalamnya kepada barisan penyelia yang diterajui oleh Prof Madya Dr. Abd Rauf bin Hassan, Prof. Madya Dr. Mohd Sukki bin Othman dan Dr. Syed Nurulakla bin Syed Abdullah. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, mereka komited memberi pengkaji bimbingan dan penyeliaan yang akhirnya menjana penghasilan sebuah tesis yang sangat bermakna. Walaupun kesibukan dan pelbagai komitmen kerja sentiasa menghambat mereka, setiap kunjungan pengkaji senantiasa meraih senyuman, layanan, bimbingan dan tunjuk ajar yang membuka pintu-pintu kejayaan kajian ini. Perbincangan yang bernas bersama-sama dorongan motivasi memberi pengkaji daya tahan, kekuatan dan kecekalan untuk meneruskan kembara Ph.D. yang serba mencabar ini. Ke hadrat Allah SWT yang Maha Esa jua pengkaji memanjatkan setulus doa agar barisan penyelia yang dikasihi dan keluarga mereka dilimpahi rahmat-Nya dan dikurniائي kesejahteraan dunia serta akhirat.

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, yang telah memupuk proses keilmuan pengkaji pada peringkat doktor falsafah, sama ada secara langsung dan tidak langsung. Semoga segala jasa, bakti dan usaha yang telah dicurahkan akan menerima balasan yang setimpal daripada Allah SWT. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (UPM) yang telah banyak membantu sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Dalam kesempatan ini, pengkaji merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang menganugerahkan cuti belajar dan biasiswa kepada pengkaji. Terima kasih Malaysia! Begitu juga kepada semua pegawai dan kakitangan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), UKM, Perpustakaan Universiti Malaya (UM) dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kerana sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat yang mesra dan berkualiti dalam

memudahkan pengkaji mendapatkan rujukan dan maklumat berkaitan dengan penulisan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat ayahanda yang telah mendidik dan membesarkan anakanda selama ini. Peluang meraikan penyempurnaan tesis ini bersama-sama ayahanda merupakan detik bahagia yang tidak dapat anakanda gambarkan dengan kata-kata. Buat Allahyarhamah bonda tercinta pula, anakanda tidak putus-putus memanjatkan doa ke hadirat Ilahi setiap waktu untuk kesejahteraan bonda di alam baqa, seberapa lama ada hayat anakanda di dunia yang fana ini. Tanpa asuhan dan didikan bonda, mustahil bagi anakanda menikmati kejayaan yang sangat bererti ini. Di sebalik setiap kejayaan, terdapat pahlawan tidak didendang yang menjadi tulang belakang pengkaji dalam menempuh saat-saat sukar melengkapkan kajian. Justeru, penghargaan dan terima kasih yang setulusnya ditujukan khas kepada isteri tersayang, Azwin Zulkafli dan anak-anak penyejuk mata serta penyambung warisan yang telah menyalakan motivasi, meniupkan inspirasi dan menguatkan hati selama perjalanan Ph.D. ini berlangsung. Sumbangan buah fikiran, bantuan kewangan dan iringan doa oleh semua rakan dan pihak semasa penyediaan tesis ini amatlah dihargai.

Kepada Allah dikembalikan segala kebaikan dan keampunan-Nya jua dipohon atas segala kesilapan serta kekhilafan. Sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang, dan Dialah yang telah memberikan sinar dan cahaya sepanjang liku-liku pengajian Doktor Falsafah yang serba mencabar tetapi penuh bererti ini.

MOHD BAKRI BIN AZIZ @ SAARI  
Bandar Baru Bangi.  
19 November 2019.

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Mohd Bakri bin Aziz @ Saari (GS37064)



**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Abd Rauf Hassan,

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Mohd Sukki Othman,

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Syed Nurulakla Syed Abdullah,

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.2.1 Leksikal Haiwan dan Pengumpulannya	3
1.2.2 Kesukaran Menentukan Padanan bagi Kata Entri Kamus Dwibahasa yang Berunsur Budaya	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Batasan Kajian	12
1.7.1 Bidang Kajian	12
1.7.2 Sumber Data Kajian	12
1.7.3 Data Kajian	13
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Strategi	14
1.8.2 Padanan	14
1.8.3 Leksikal	14
1.9 Kesimpulan	15
<b>2 TINJAUAN PERSURATAN</b>	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Sumbangan Penulisan dan Kajian Berkaitan dengan Leksikal Haiwan dalam Kalangan Sarjana Arab-Islam	16
2.2.1 Buku yang Mengumpulkan Nama-Nama Haiwan	17
2.2.2 Buku yang Membincangkan Leksikal Haiwan Berserta Maklumat Lain Berkaitan dengan Haiwan	19
2.2.3 Buku Ensiklopedia tentang Haiwan	20
2.2.4 Pengenalpastian Leksikal Haiwan dalam Sumber Rujukan Bahasa Arab	20
2.2.4.1 Pengenalpastian Leksikal Haiwan dalam Al-Quran	21
2.2.4.2 Pengenalpastian Leksikal Haiwan dalam Kesusasteraan Arab	23
2.2.4.3 Pengenalpastian Leksikal Haiwan Dalam Hadis	25

2.2.4.4	Pengenalpastian Asal Usul dan Hubungan Antara Leksikal Haiwan dalam Buku yang Mengumpulkan Nama Haiwan	25
2.3	Penyusunan Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	27
2.3.1	Rupa Bentuk dan Kepentingan Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	28
2.3.1.1	Definisi Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	28
2.3.1.2	Sejarah Penyusunan Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	30
2.3.1.3	Ciri-ciri Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	33
2.3.1.4	Metode Penyusunan Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	34
2.3.1.5	Kategori Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	35
2.3.1.6	Kepentingan Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	38
2.3.2	Isi Kandungan Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	38
2.3.2.1	Entri Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	39
2.3.2.2	Padanan dalam Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	40
2.3.2.3	Jenis Padanan dalam Kamus Dwibahasa Arab-Melayu	41
2.4	Isu Berkaitan dengan Kamus Dwibahasa di Malaysia	44
2.4.1	Jenis dan Strategi Padanan Kamus Dwibahasa	46
2.4.2	Ketepatan Padanan dalam Kamus Dwibahasa Berasaskan Teori Semantik	49
2.4.3	Kesilapan dan Kelemahan Padanan dalam Kamus Dwibahasa	50
2.4.4	Implikasi Strategi Padanan Kamus Dwibahasa	51
2.5	Kesimpulan	52
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>55</b>
3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Kerangka Konseptual	57
3.3.1	Padanan terjemahan	57
3.3.2	Padanan penjelasan	58
3.4	Tatacara Pengumpulan Data	62
3.4.1	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.4.2	Pengumpulan Data Kajian	65
3.5	Analisis Data	66
3.5.1	Penggunaan Perisian Nvivo 12	67
3.5.2	Pengekodan Data	68
3.5.3	Interpretasi Data	71
3.6	Kebolehpercayaan Data	72
3.7	Kesimpulan	73
<b>4</b>	<b>PERBINCANGAN DAN DAPATAN</b>	<b>75</b>
4.1	Pendahuluan	75
4.2	Leksikal Haiwan dalam KBAMD	75
4.2.1	Leksikal Haiwan dalam KBAMD yang dikenal pasti Jenisnya	75
4.2.1.1	Leksikal Haiwan Mamalia dalam KBAMD	76
4.2.1.2	Leksikal Burung dalam KBAMD	78
4.2.1.3	Leksikal Haiwan Reptilia dalam KBAMD	81
4.2.1.4	Leksikal Ikan dalam KBAMD	82
4.2.1.5	Leksikal Haiwan Amfibia dalam KBAMD	82
4.2.1.6	Leksikal Haiwan Invertebrata Berkaki dalam KBAMD	83
4.2.1.7	Leksikal Haiwan Invertebrata Tidak Berkaki dalam KBAMD	85

4.2.2	Leksikal Haiwan yang Tidak dikenali Jenisnya	85
4.3	Strategi Padanan Leksikal Haiwan dalam KBAMD	89
4.3.1	Strategi Padanan Terjemahan bagi Leksikal Haiwan dalam KBAMD	89
4.3.1.1	Padanan Terjemahan Kata Nama Am	90
4.3.1.2	Padanan Terjemahan Kata Nama Ganda	95
4.3.1.3	Padanan Terjemahan Kata Nama Pinjaman	96
4.3.2	Strategi Padanan Penjelasan bagi Leksikal Haiwan dalam KBAMD	97
4.3.2.1	Unit Terjemahan Frasa Nama	98
4.3.2.2	Unit Terjemahan Gabungan Dua Unsur Bahasa Melayu yang Diselangi Kata Hubung ‘yang’	114
4.3.2.3	Unit Terjemahan Gabungan Kata Nama ‘Sejenis’ dan Unsur BM	123
4.3.2.4	Unit Terjemahan Gabungan Unsur Bahasa Arab dan Unsur Bahasa Melayu	126
4.3.2.5	Unit Terjemahan Ayat Tunggal Bahasa Melayu	130
4.3.2.6	Unit Terjemahan dalam Bentuk Keterangan Umum	134
4.4	Implikasi Strategi Padanan Leksikal Haiwan dalam KBAMD	135
4.4.1	Perkongsian Satu Padanan Bahasa Melayu bagi Beberapa Leksikal Arab dalam KBAMD	136
4.4.1.1	Perkongsian Padanan Terjemahan oleh Leksikal Haiwan dalam KBAMD	136
4.4.1.2	Perkongsian Padanan Penjelasan oleh Leksikal Haiwan dalam KBAMD	137
4.4.2	Kekaburan Makna Leksikal Haiwan	141
4.4.2.1	Kekaburan Makna dalam Padanan Kata Nama Am Jenis Haiwan	142
4.4.2.2	Kekaburan Makna dalam Padanan Unit Terjemahan Gabungan ‘Sejenis’ dan Unsur BM	143
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN</b>	148
5.1	Pendahuluan	148
5.2	Rumusan Kajian	148
5.2.1	Leksikal dan Jenis Haiwan dalam KBAMD	148
5.2.2	Strategi Padanan Leksikal Haiwan dalam KBAMD	150
5.2.3	Implikasi Strategi Padanan dalam KBAMD	157
5.3	Rumusan Holistik	160
5.4	Dapatan Sisipan	161
5.5	Implikasi Kajian	162
5.6	Cadangan Kajian Lanjut	164
5.7	Penutup	166
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	167
	<b>LAMPIRAN</b>	179
	<b>BIOADATA PELAJAR</b>	190
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	192

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
2.1	Nama Bab dalam Buku <i>al-Hayawān fī al-Adab al-ʿArabiyy</i> 23
2.2	Leksikal Haiwan dalam <i>Dīwān</i> Ḥassān bin Thābit 24
2.3	Pelbagai Tipologi Kamus 27
2.4	Kategori Kamus 35
2.5	Jenis Glos dalam KIMD 47
2.6	Struktur Definisi Berasaskan Pendekatan Keterangan 47
2.7	Kelemahan Padanan Nama Tumbuh-Tumbuhan dalam KBAMD 50
2.8	Kesilapan Padanan bagi Leksikal Rempah, Bijirin, Penyakit dan Ubatan dalam KBAMD 51
3.1	Contoh Padanan Leksikal Haiwan yang dirumikan 63
3.2	Biodata Pakar Rujuk Kajian 72
4.1	Leksikal Haiwan Mamalia dalam KBAMD 76
4.2	Leksikal Burung dalam KBAMD 79
4.3	Leksikal Haiwan Reptilia dalam KBAMD 81
4.4	Leksikal Ikan dalam KBAMD mengikut Jenis 82
4.5	Kedudukan Leksikal Katak dalam KBAMD 83
4.6	Leksikal Haiwan Invertebrata Tiga Pasang Kaki dalam KBAMD 83
4.7	Contoh Leksikal Burung yang Tidak dikenal pasti Jenisnya dalam KBAMD 86
4.8	Leksikal Haiwan yang Mempunyai Perkataan ‘Unggas’ dalam Padanannya dalam KBAMD 86
4.9	Contoh Leksikal Ikan yang Tidak dikenali Jenisnya dalam KBAMD 87
4.10	Leksikal Haiwan Invertebrata Berkaki yang Tidak dikenali Jenisnya dalam KBAMD 87
4.11	Padanan Kata Nama Am dan Contoh Kata Entri bagi Leksikal Haiwan Mamalia dalam KBAMD 91
4.12	Padanan Kata Nama Am dan Contoh Kata Entri bagi Leksikal Haiwan Invertebrata dalam KBAMD 92
4.13	Padanan Kata Nama Am dan Contoh Kata Entri bagi Leksikal Haiwan Reptilia dalam KBAMD 93
4.14	Padanan Kata Nama Am dan Contoh Kata Entri bagi Leksikal Haiwan Burung dalam KBAMD 94
4.15	Padanan Kata Nama Katak dan Leksikal Kata Entri dalam KBAMD 95
4.16	Padanan Kata Nama Ganda dan Contoh Kata Entri bagi Leksikal Haiwan Invertebrata dalam KBAMD 95
4.17	Padanan Kata Nama Pinjaman dan Contoh Kata Entri bagi Leksikal Haiwan Mamalia dalam KBAMD 97
4.18	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Nama Jenis dalam KBAMD 101
4.19	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Nama Kelamin dalam KBAMD 102
4.20	Contoh Leksikal Haiwan yang Mempunyai Perkataan ‘Betina’ dalam Padanan Bahasa Melayu 102
4.21	Senarai Penerang Nama Milik bagi Padanan Frasa Nama dalam KBAMD 103

4.22	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Nama Milik dalam KBAMD	103
4.23	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Nama Tempat dalam KBAMD	104
4.24	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Nama Perihal dalam KBAMD	104
4.25	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Nama Kegunaan dalam KBAMD	105
4.26	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Nama Gelaran dalam KBAMD	106
4.27	Contoh Frasa Nama Binaan Inti dan Penerang Penentu dalam BM	107
4.28	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Penentu dalam KBAMD	107
4.29	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Penerang Kata Adjektif dalam KBAMD	108
4.30	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti, Penerang Nama Jenis dan Penerang Nama Kelamin	110
4.31	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti, Penerang Nama Kelamin dan Penerang Kata Adjektif	111
4.32	Padanan Frasa Nama Gabungan Inti, Penerang Nama Tempat dan Penerang Nama Kelamin	112
4.33	Contoh Padanan Frasa Nama Gabungan Inti dan Tiga Penerang (PNM + PNK + PNT) Nama dalam KBAMD	113
4.34	Padanan Unit Terjemahan Gabungan Dua Unsur BM dan Kata Hubung 'yang'	115
4.35	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Bentuk Fizikal Haiwan dalam KBAMD	117
4.36	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Sifat Haiwan dalam KBAMD	117
4.37	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Perihal Haiwan dalam KBAMD	118
4.38	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Warna Haiwan dalam KBAMD	119
4.39	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Usia Haiwan dalam KBAMD	120
4.40	Padanan Unit Terjemahan yang Menjelaskan Keterangan Fungsi Haiwan dalam KBAMD	120
4.41	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Habitat Haiwan dalam KBAMD	121
4.42	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Penyakit Haiwan dalam KBAMD	121
4.43	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Kelahiran Haiwan dalam KBAMD	122
4.44	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Keterangan Penyusuan Haiwan dalam KBAMD	122
4.45	Padanan Unit Terjemahan yang Mengandung Beberapa Keterangan Berkaitan dengan Haiwan dalam KBAMD	123
4.46	Padanan Unit Terjemahan Gabungan Kata Nama 'Sejenis' dan Unsur BM dalam KBAMD	124
4.47	Padanan <i>al-Jār wa Ism al-Majrūr</i> dan Unsur BM dalam KBAMD	127

4.48	Kata Nama Arab dalam Padanan Unit Terjemahan Gabungan <i>al-Jār wa Ism al-Majrūr</i> dan Unsur BM	128
4.49	Padanan Gabungan Kata Nama Arab dan Unsur BM dalam KBAMD	130
4.50	Padanan Ayat Binaan Frasa Nama dan Frasa Kerja dalam KBAMD	131
4.51	Padanan Ayat Ringkas yang Mengandungi Kata Sendi ‘untuk’ atau ‘bagi’	133
4.52	Padanan Ayat Ringkas yang Mengandungi Kata Sendi ‘pada’	133
4.53	Padanan Unit Terjemahan dalam Bentuk Keterangan dalam KBAMD	134
4.54	Perkongsian Padanan Kata Nama Am Anjing dalam KBAMD	136
4.55	Padanan Frasa Nama yang Berkongsi Leksikal Haiwan Mamalia dalam KBAMD	138
4.56	Perkongsian Padanan Frasa Nama yang Berkaitan dengan Leksikal Burung dalam KBAMD	139
4.57	Perkongsian Padanan Frasa Nama yang Berkaitan dengan Leksikal Haiwan Invertebrata dalam KBAMD	140
4.58	Perkongsian Beberapa Strategi Padanan Penjelasan dalam KBAMD	140
4.59	Padanan Leksikal Haiwan yang Menggunakan Perkataan <i>Nawc</i> dalam MW	144
4.60	Contoh Padanan Leksikal Haiwan dalam KIMD yang Bermula dengan Perkataan ‘Sejenis’	144
4.61	Contoh Padanan Gabungan ‘Sejenis’ dan Unsur BM bagi Leksikal Haiwan dalam KBAMD	145
4.62	Leksikal Haiwan yang dipadankan dengan ‘Sejenis’ dan Kata Nama Am Kategori Haiwan dalam KBAMD	146
5.1	Bilangan Jenis Haiwan dalam KBAMD Mengikut Kategori	149
5.2	Frasa Nama Binaan Inti dan Dua Penerang yang Menyalahi Hukum D-M	152
5.3	Frasa Nama Binaan Inti dan Dua Penerang yang Menepati Hukum D-M	152
5.4	Frasa Nama Binaan Inti dan Tiga Penerang yang Menyalahi Hukum D-M	153
5.5	Kategori Keterangan dalam Padanan Unit Terjemahan Gabungan Dua Unsur bahasa Melayu yang Diselang Kata Hubung ‘yang’	154
5.6	Fitur Penjelas Makna dalam Padanan Penjelasan	155
5.7	Padanan Ensiklopedia bagi Leksikal Haiwan dalam KBAMD	156
5.8	Binaan Frasa Nama yang Sering Berkongsi Leksikal Haiwan dalam KBAMD	158
5.9	Perbandingan antara Padanan KBAMD dengan Erti MW bagi Beberapa Leksikal Haiwan	162

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
3.1	Ciri-Ciri Padanan Terjemahan	58
3.2	Pendekatan Padanan dalam Kamus Dwibahasa oleh al-Kasimi (1993) dan Svensen (2009)	61
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	62
3.4	Peringkat Analisis Data Kualitatif Marshall dan Rossman (1999)	67
3.5	Keratan Rentas Analisis Data Kajian dalam Perisian Nvivo 12	68
3.6	Taksonomi Leksikal Haiwan dalam KBAMD	69
3.7	Taksonomi Strategi Padanan Terjemahan	70
3.8	Taksonomi Strategi Padanan Penjelasan	70
3.9	Taksonomi Implikasi Strategi Padanan Leksikal Haiwan dalam KBAMD	71
4.1	Peratus Jumlah Leksikal Haiwan yang dikenal pasti Jenisnya dalam KBAMD Mengikut Kategori	76
4.2	Bilangan Leksikal Haiwan Mengikut Kategori dalam KBAMD	88
4.3	Strategi Padanan Leksikal Haiwan dalam KBAMD	89
4.4	Strategi Padanan Terjemahan bagi Leksikal Haiwan dalam KBAMD	90
4.5	Strategi Padanan Penjelasan bagi Leksikal Haiwan dalam KBAMD	98
4.6	Binaan Frasa Nama dalam KBAMD	99
4.7	Jenis Penerang Nama bagi Padanan Frasa Nama dalam KBAMD	100
4.8	Kategori Penerang Bukan Kata Nama dalam Binaan Padanan Frasa Nama Leksikal Haiwan KBAMD	107
4.9	Unsur Keterangan yang Terdapat dalam Padanan Penjelasan KBAMD	116
4.10	Keterangan Warna dalam Padanan KBAMD bagi Leksikal Haiwan	119
4.11	Bentuk Padanan Unit Terjemahan Gabungan Unsur Bahasa Arab dan Unsur Bahasa Melayu dalam KBAMD	127
4.12	Bentuk Padanan Ayat Ringkas dalam KBAMD	131
4.13	Jenis Kata Sendi yang Membentuk Frasa Sendi Nama dalam Padanan Ayat Ringkas	132
5.1	Kaitan Strategi Padanan Terjemahan Leksikal Haiwan dalam KBAMD dengan Semantik	163
5.2	Kaitan Strategi Padanan Terjemahan Leksikal Haiwan dalam KBAMD dengan Semantik	164



**JADUAL TRANSLITERASI**  
(Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi, 2008)

A. Konsonan:

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	<i>ṭ</i>
ب	<i>B</i>	ظ	<i>ẓ</i>
ت	<i>T</i>	ع	<i>ʿ</i>
ث	<i>Th</i>	غ	<i>Gh</i>
ج	<i>J</i>	ف	<i>F</i>
ح	<i>H</i>	ق	<i>Q</i>
خ	<i>Kh</i>	ك	<i>K</i>
د	<i>D</i>	ل	<i>L</i>
ذ	<i>Dh</i>	م	<i>M</i>
ر	<i>R</i>	ن	<i>N</i>
ز	<i>Z</i>	هـ	<i>H</i>
س	<i>S</i>	ء	'
ش	<i>Sh</i>	و	<i>W</i>
ص	<i>Ṣ</i>	ي	<i>Y</i>
ض	<i>Ḍ</i>	ة	<i>ah*</i>

\* Ditransliterasikan sebagai 'at' dalam konteks gabungan dua perkataan.

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
اَ	<i>a</i>	آ	<i>ā</i>	أَيَّ	<i>ay</i>
اِ	<i>i</i>	إِي	<i>ī</i>	أُو	<i>aw</i>
اُ	<i>u</i>	أُو	<i>ū</i>	يَيَّ	<i>iy</i>



© COPYRIGHT UPM

## SENARAI SINGKATAN

BA	Bahasa Arab
BM	Bahasa Melayu
hlm.	Halaman
jld.	Jilid
KBAMD	<i>Kamus Besar Arab Melayu Dewan</i>
KD	Kamus Dewan
KDBIBM	<i>Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris Bahasa Melayu</i>
KIMD	<i>Kamus Inggeris-Melayu Dewan</i>
Ph.D.	Doktor Falsafah
SM	Sebelum Masihi
UL	Unit Leksikal
UT	Unit Terjemahan
SAW	<i>Ṣalla Allāhu ʿAlaihi wa Sallam</i>
SWT	<i>Subḥānahu wa Taʿālā</i>
t.th	Tanpa tarikh
t.tp	Tanpa tempat
t.pt	Tanpa penerbit

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Kamus merupakan salah satu bahan karya bahasa sesuatu bangsa. Selain menjadi sumber rujukan penting dan perakam penggunaan bahasa sesuatu masyarakat, kamus juga bertindak sebagai sarana penting yang mengungkapkan kosa kata sesebuah masyarakat (Hanafi & Nur Azalina, 2011; Ibrahim, 2015, hlm. 1). Menurut Zaitul Azma (2005, hlm. 49), kamus juga sesuai dijadikan rekod sejarah peradaban bangsa dalam membantu usaha pembakuan bahasa bangsa tersebut di samping menjadi bahan rujukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Salinah & Chin, 2016, hlm. 2). Selain itu, kamus sangat sesuai dijadikan bahan untuk pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak pada peringkat awal pembelajaran bahasa (Nurul Aminah & Hasnah, 2015, hlm. 81).

Penyusunan kamus turut dikaitkan dengan pembinaan tamadun sesuatu bangsa. Kamus menjadi satu kemestian malah dianggap *sunnatullah* bagi setiap kebudayaan untuk menyusun kamus sebagai satu tradisi agung yang dapat dihadiahkan kepada dunia (Ibrahim, 2015, hlm. 35). Dalam konteks bahasa Arab, *Kitāb al-ʿAyn* yang disusun oleh al-Khalīl Ibn Aḥmad al-Farāhīdī (718-786 SM) menjadi kamus Arab pertama mewakili kemajuan kebudayaan Arab (Husaimi, 2002: Nafi@Hanafi, 2010).

Melihat fungsi dan kepentingan penyusunan sesebuah kamus dalam tamadun manusia sejagat, kajian yang menumpukan penambahbaikan terhadap penyusunan kamus wajar diberi perhatian agar penghasilan sesebuah kamus lebih berkualiti, berkembang dan seiring dengan kehendak pengguna. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan proses penyusunan salah satu kategori kamus, iaitu kamus dwibahasa. Pemilihan kategori kamus ini sebagai kajian didorong oleh hakikat bahawa kamus dwibahasa bukan sahaja berperanan merakamkan perbendaharaan kata atau perkataan dalam bentuk kata dasar dan kata terbitan yang terdapat pada sesuatu bahasa untuk dijadikan bahan rujukan oleh individu yang ingin mengetahui makna perkataan yang tepat dalam bahasa yang berbeza, malah ia juga memainkan peranan penting sebagai rujukan bagi membantu proses penterjemahan dan penghasilan teks dalam bahasa berbeza daripada bahasa sumber (Zgusta, 1971, hlm. 231). Walau bagaimanapun, tumpuan utama kajian ini adalah pada penyusunan kamus dwibahasa Arab-Melayu yang terdapat di Malaysia.

Bab ini memuatkan maklumat primer yang perlu diketahui berkaitan dengan kajian. Ini termasuklah latar belakang kajian yang dijalankan, pernyataan masalah, objektif dan

soalan kajian, kepentingan kajian dan juga batasan kajian. Definisi operasional juga disediakan dan bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

## 1.2 Latar Belakang

Kajian ini memfokuskan perbincangan tentang penyusunan kamus dwibahasa. Istilah 'kamus dwibahasa' ialah hasil gabungan perkataan kamus dan dwibahasa. Berpandukan takrifan *Collins English Dictionary* (1979, hlm. 411), kamus (*dictionary*) ialah sebuah buku rujukan yang mengandungi kata-kata daripada sesuatu bahasa, disusun mengikut abjad, menggunakan satu bahasa atau lebih dan memuatkan makna dan keterangan-keterangan lain berbentuk input linguistik atau bukan linguistik yang berkaitan dengan kata-kata tersebut bergantung pada ketuntasan sesebuah kamus yang disusun. Menurut Asmah (1987, hlm. 18), unsur-unsur linguistik terdiri daripada maklumat morfologi, sintaksis, semantik dan fonologi, di samping subdisiplinnya yang lain seperti leksikologi, sosiolinguistik, analisis wacana, pragmatik, etimologi dan sebagainya. Manakala, unsur-unsur bukan linguistik terdiri daripada ortografi, pemenggalan kata, pelabelan dan sebagainya seperti ejaan, sebutan, golongan kata, makna, cara penggunaan kata, etimologi dan lain-lain lagi.

Perkataan 'dwibahasa' pula bermaksud sesuatu yang bersangkutan dengan atau mengandungi dua bahasa (Harimurti, 1993, hlm. 31). Dengan demikian, gabungan 'kamus dwibahasa' membawa maksud kamus yang memuatkan daftar kata dengan keterangan makna dan penggunaannya dalam bahasa lain (Harimurti, 1993, hlm. 95). Menurut Ya'qūb (2006:8/524), kamus dwibahasa dikenali pada peringkat awal kemunculannya sebagai kamus yang memuatkan entri dalam bahasa sasaran (أَحْبَبِيَّة) dan padanan dalam bahasa sumber (قَوْمِيَّة). Kini, kamus tersebut tidak terhad kepada susunan tersebut bahkan wujud juga kamus dwibahasa yang memuatkan kata bahasa sumber sebagai entri dan definisi dalam bahasa sasaran sebagai padanan. Dengan demikian, kamus dwibahasa Arab-Melayu tidak terhad kepada kamus yang memuatkan kata entri dalam bahasa Arab dan padanannya dalam bahasa Melayu sahaja, bahkan juga mengambil kira situasi sebaliknya, iaitu Melayu-Arab.

Penyusunan sesebuah kamus dwibahasa melibatkan dua unsur penting, iaitu kata leksikografi dan definisinya. Kata leksikografi ialah kata entri kamus yang disusun mengikut abjad (McAthur, 1998, hlm. 45). Kata ini pada asalnya ialah kata leksikal, iaitu satu satuan terkecil yang merupakan leksikon atau kosa kata bahasa, boleh berdiri sendiri dan mempunyai makna tertentu sama ada dalam bentuk satu morfem atau kombinasi morfem (Harimurti, 1993, hlm. 126).

Unsur kedua terpenting dalam sesebuah kamus dwibahasa ialah definisi kepada kata entri tersebut yang dikenali sebagai padanan. Padanan dalam kamus dwibahasa bermaksud kata atau frasa dalam bahasa sasaran yang maknanya sama dari segi

semantik dalam bahasa sumber (Fadilah, 2009). Menurut Siti Rohanafizah (2012), padanan dalam kamus dwibahasa berbentuk sama ada padanan terjemahan atau padanan huraian.

Kajian ini akan mengupas kedua-dua unsur penting dalam penyusunan kamus dwibahasa pasangan Arab-Melayu. Namun, fokus kajian ini pada unsur pertama ialah kata leksikografi yang terdiri daripada leksikal haiwan. Manakala fokus pada unsur kedua pula tertumpu pada strategi padanan leksikal haiwan dalam *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (KBAMD) dan implikasinya. Penjelasan kepada fokus kajian ini diberikan dalam subjudul yang seterusnya.

### 1.2.1 Leksikal Haiwan dan Pengumpulannya

Leksikal haiwan ialah gabungan dua perkataan, iaitu perkataan leksikal dan haiwan. Perkataan leksikal dalam *Kamus Dewan* (Md Nor Ab. Ghani et al. 2005, hlm. 912) diertikan sebagai perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau lebih dikenali dalam istilah linguistik sebagai lexis (Md Nor Ab. Ghani et al., 2005, hlm. 912). Selain perkataan atau perbendaharaan kata, Sinclair (2006) turut memasukkan istilah dalam definisi leksikal.

Menurut Harimurti (1993, hlm. 126), kata leksikal dikaitkan dengan tiga makna. Pertama, bersangkutan dengan leksem, iaitu kata atau frasa yang merupakan satuan bermakna; kedua, bersangkutan dengan kata; ketiga, bersangkutan dengan leksikon atau perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa dan tidak bersangkutan dengan tatabahasa. Berdasarkan penjelasan Harimurti di atas, kata leksikal disimpulkan sebagai:

- a. Satu satuan yang mengandungi makna tersendiri.
- b. Satuan dalam bentuk kata atau frasa.
- c. Satuan yang boleh berdiri sendiri tanpa dikaitkan dengan aspek tatabahasa.

Dalam kamus dwibahasa Inggeris-Arab, perkataan leksikal bukan sahaja dikaitkan dengan kosa kata sesuatu bahasa (Che Radiah, 2006, hlm. 26), malah perkataan tersebut juga berkait rapat dengan penyusunan kamus. Hal ini dilihat melalui terjemahan perkataan leksikal dengan دُوُّ عِلَاقَةٍ بِمَفْرَدَاتٍ (yang mempunyai hubungan dengan kosa kata/perkataan) أَوْ دُوُّ عِلَاقَةٍ بِمُعْجَمٍ أَوْ بِالصَّنَاعَةِ الْمُعْجَمِيَّةِ (atau yang mempunyai hubungan dengan kamus atau penyusunan kamus). Jika diamati, terjemahan ini menunjukkan bahawa penyusunan sesebuah kamus amat berkait rapat dengan kosa kata sesuatu bahasa.

Perkataan haiwan pula merupakan kata pinjaman bahasa Arab daripada *al-ḥayawān*. Menurut Ibn Barri yang dinukilkan oleh Ibn Manẓūr (1993, hlm. 424-427), perkataan *al-ḥayawān* dalam bahasa Arab merupakan salah satu kata terbitan bagi حَيٍّ يَحْيَا حَيَاةً. Sementara itu, al-Fairūz Ābādī (1998, hlm. 1278) pula berpandangan bahawa perkataan tersebut berasal daripada perkataan حَيَّانٌ dengan huruf *ya* yang kedua ditukar kepada *waw*. Pola bagi perkataan *al-ḥayawān* ialah فُعْلَانٌ (Ibrahim Anis et al, t.th, hlm. 213). Pola ini merangkum maksud *mufrad* (satu) dan *jam'* (banyak) serta *mudhakkar* (maskulin) dan *mu'annath* (feminin) tanpa perlu memasukkan huruf *tā marbūṭah* pada akhir perkataan. Bagi al-Yasū'iy (1996, hlm. 165 & 179), perkataan *al-ḥayawān* bukan kata nama terbitan daripada mana-mana perkataan Arab, sebaliknya perkataan tersebut berasal daripada perkataan *hayoutono* dalam bahasa *Ārāmīyyah* (*Siryānī*).

Sungguhpun perkataan *al-ḥayawān* secara umum digunakan untuk menunjukkan semua kehidupan yang mempunyai roh yang terdiri daripada manusia dan haiwan, namun kebanyakan sarjana menggunakan perkataan tersebut untuk maksud binatang (Khairul Anuar, 2008, hlm. 38).

Berpandukan penjelasan di atas, gabungan leksikal haiwan bermaksud perkataan, kosa kata atau istilah sesuatu bahasa yang mempunyai hubungan dengan haiwan. Dalam konteks kajian ini, leksikal haiwan ialah perkataan yang merujuk nama bagi haiwan tertentu. Umpamanya, leksikal الأسدُ ialah leksikal yang merujuk singa.

Leksikal haiwan merupakan leksikal berunsur budaya. Menurut Newmark (1998, 2006) leksikal haiwan dikategorikan dalam budaya ekologi berserta leksikal yang merujuk tumbuhan, angin, keadaan geografi dan muka bumi sesuatu kawasan. Leksikal ini penting dan sering diberi perhatian oleh para sarjana Arab. Hal ini dibuktikan dengan penghasilan buku-buku berkenaan dengan leksikal haiwan tertentu oleh sarjana Arab sejak kurun kedua hijrah. Selain itu, banyak kajian berkaitan dengan leksikal haiwan dalam pelbagai sumber bahasa Arab turut dihasilkan terutamanya leksikal haiwan dalam al-Quran. Dalam pada itu, pemerhatian pengkaji terhadap beberapa buah kamus dwibahasa Arab-Melayu mendapati penyusun kamus-kamus tersebut turut memuatkan kata entri yang terdiri daripada leksikal-leksikal haiwan. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan meneliti sejauh mana kedudukan leksikal tersebut sebagai kata entri dalam salah sebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu, iaitu *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (KBAMD).

### **1.2.2 Kesukaran Menentukan Padanan bagi Kata Entri Kamus Dwibahasa yang Berunsur Budaya**

Fokus kajian kepada strategi padanan leksikal haiwan dalam KBAMD dan implikasinya didorong oleh kesukaran menentukan padanan yang sama atau hampir sama dari sudut bentuk dan semantik bagi leksikal yang berunsur budaya (*culture-bound words*) dalam kamus dwibahasa. Hal ini diakui oleh banyak pengkaji barat

seperti Zgusta (1971) Nida (1996), Newmark (1998) dan Tomaszyczck (1984). Malah, hal ini turut diakui oleh pengkaji tempatan seperti Noresah dan Rusli (2009), Noresah (2009), Intan Shafinaz dan Nor Zakiah (2008) serta Fadilah (2008).

Menurut Ainon dan Abdullah (2010, hlm. 27), leksikal berunsur budaya ialah leksikal yang muncul hasil pandangan sesebuah masyarakat terhadap dunia masing-masing. Leksikal tersebut menggambarkan latar belakang kehidupan, tahap pemikiran sosial dan ciri-ciri budaya sesebuah masyarakat (Goh & Azman, 2009, hlm. 374). Leksikal ini akan berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain menurut persekitaran dan budaya sesebuah masyarakat. Keadaan ini mengakibatkan kepada kesukaran proses kesepadanan semantik dalam kamus dwibahasa kerana kesepadanan tersebut memerlukan penilaian yang teliti terhadap sempadan setiap situasi sesuatu budaya dari sudut persamaan dan perbezaan bagi tujuan memelihara dan menyampaikan latar belakang budaya serta pelbagai elemen yang mengiringinya melalui leksikal yang dipadankan dengan leksikal bahasa sumber (Rabassa, 1989, hlm. 10).

Penamaan haiwan dengan leksikal tertentu oleh sesuatu masyarakat menyebabkan leksikal tersebut dikenali sebagai leksikal budaya (Noresah, 2009, hlm.13). Hal ini berlaku apabila sesuatu masyarakat menamakan haiwan tertentu mengikut kesepakatan antara mereka. Semua anggota masyarakat tersebut bersepakat tentang satu bentuk leksikal haiwan dan unsur semantiknya untuk tujuan berkomunikasi antara satu sama lain (Chaer, 2007, hlm.116).

Menurut Newmark (1998, 2006), leksikal budaya yang berhubung kait dengan haiwan dikategorikan sebagai leksikal budaya ekologi. Leksikal lain yang turut disenaraikan sebagai leksikal budaya ekologi ialah leksikal yang merujuk tumbuhan, angin, keadaan geografi dan muka bumi sesuatu kawasan.

Kesukaran menentukan padanan bagi leksikal berunsur budaya ini menuntut usaha mewujudkan padanan yang sesuai dalam kamus dwibahasa secara sistematik dan mengikut strategi tertentu. Justeru, cadangan al-Kasimi (1977, hlm. 64) agar para penyusun kamus dwibahasa sewajarnya mendahulukan analisis konstruktif yang meliputi analisis semantik dan analisis tatabahasa antara entri daripada bahasa sumber dan padanan dalam bahasa sasaran sebelum ditentukan padanan yang sesuai dalam kamus dwibahasa boleh dijadikan panduan.

Di samping itu, penyusun kamus dwibahasa juga perlu membuat tiga pertimbangan dalam menentukan padanan kata entri. Tiga pertimbangan tersebut seperti yang disarankan oleh Nida (dalam Al-Kasimi, 1977, hlm. 62) ialah:



- a. Kebiasaan penggunaan dalam bahasa sasaran.
- b. Makna yang difahami oleh penutur bahasa sasaran.
- c. Mengikuti atau mematuhi makna asal bahasa sumber.

Perkara lain yang perlu diberikan perhatian oleh para penyusun kamus dwibahasa juga ialah fitur-fitur makna dalam padanan. Oleh sebab kamus dwibahasa disusun berasaskan konsep terjemahan, Catford (1965, hlm. 50) mencadangkan satu jalan penyelesaian dalam menentukan padanan bagi kamus dwibahasa, iaitu penentuan padanan melalui hubungan semantik yang wujud antara unit linguistik bahasa sumber dengan unit-unit linguistik bahasa sasaran yang mengandungi fitur-fitur makna yang sama. Dengan kata lain, penentuan padanan dalam kamus dwibahasa adalah memadai dengan kewujudan persamaan beberapa fitur yang sama sahaja antara leksikal bahasa sumber dengan leksikal bahasa sasaran. Misalnya, kata *we* dalam bahasa Inggeris boleh dikatakan sepadan dengan kata 'kami' dalam bahasa Melayu (KDBIBM, 2002).

Sungguhpun cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh al-Kasimi, Nida dan Catford di atas boleh dijadikan panduan dalam mewujudkan padanan yang sesuai dalam kamus dwibahasa, penyusun kamus dwibahasa tersebut juga perlu membuat pertimbangan sewajarnya dalam memilih bentuk dan strategi padanan yang sesuai. Hal ini dikatakan demikian kerana kegagalan dalam membuat pertimbangan tersebut dengan baik boleh memberi kesan kepada kesepadanan semantik dan mengakibatkan kekaburan makna (Farah Hanini, Nor Azita, & Nor Diyana, 2013, hlm. 58). Selain itu, kegagalan tersebut juga menyebabkan sesebuah kamus kurang dirujuk oleh penutur, penulis dan penterjemah bahasa asing. Ini dibuktikan oleh Tomaszyszck (1984) melalui kajian beliau yang bertajuk *The Culture-Bound Element In Bilingual Dictionaries*.

Hal ini boleh memberi kesan yang tidak baik kepada aktiviti penyusunan semua kamus dwibahasa dan dianggap sebagai satu kelemahan proses padanan. Salah satu punca kelemahan tersebut ialah kegagalan mewujudkan padanan yang sesuai bagi leksikal yang mempunyai kaitan dengan budaya dan persekitaran penggunaan bahasa tersebut (Al-Kasimi, 1977, hlm. 61; Zgusta, 1984, hlm. 149).

Berdasarkan penjelasan di atas, pengkaji melihat kajian terhadap strategi padanan leksikal haiwan dalam kamus dwibahasa Arab-Melayu adalah amat penting dan perlu diketengahkan. Di samping itu, kajian ini juga akan memberi fokus pada implikasi strategi padanan yang dipraktikkan bagi leksikal tersebut terhadap penyusunan KBAMD.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Tinjauan persuratan menunjukkan sarjana Arab terdahulu mengambil perhatian serius terhadap leksikal haiwan dalam bahasa Arab. Hal ini dibuktikan dengan pengumpulan nama haiwan mengikut jenis haiwan tertentu yang dilakukan oleh sarjana Arab sejak kurun ketiga hijrah. Antara sarjana Arab yang banyak mengumpulkan nama haiwan tersebut termasuklah al-Naḍar bin Shumayl (M 203H), Abū °Ubaidah (M 209H), al-Aṣma°iy (M 216H), Aḥmad bin Ḥātim al-Bāhiliy (M 231H) dan Abū Ḥātim al-Sajistāniy (M 248H). Hasil tinjauan persuratan menunjukkan al-Naḍar bin Shumayl (M 203H) telah mengumpulkan nama unta, kambing dan burung dalam tiga buah buku yang berasingan mengikut jenis haiwan tersebut. Usaha yang sama dilakukan oleh Abū °Ubaidah (M 209H) yang mengumpul nama bagi unta, kuda, helang, merpati, ular dan kala jengking. Manakala al-Aṣma°iy (M 216H) pula telah mengumpulkan nama haiwan bagi jenis unta, kambing, haiwan liar, kuda, lebah dan serangga. Sementara itu, Aḥmad bin Ḥātim al-Bāhiliy (M 231H) dan Abū Ḥātim al-Sajistāniy (M 248H) masing-masing telah mengumpulkan nama haiwan daripada jenis unta dan burung (Al-Difa°, 1987; Al-Ḥajjaj, 2005; Al-Jāḥiz, 1969, jld. 1).

Selain pengumpulan nama haiwan, huraian terhadap leksikal haiwan dan pengenalpastian leksikal tersebut dalam sumber rujukan bahasa Arab turut mendapat perhatian para sarjana Arab. Huraian terhadap setiap leksikal haiwan dari sudut bahasa telah dilakukan oleh Al-Damiri (2003). Tinjauan persuratan menunjukkan pengenalpastian leksikal haiwan dalam sumber rujukan bahasa Arab oleh para sarjana melibatkan tiga sumber, iaitu leksikal haiwan dalam al-Quran, kesusasteraan Arab seperti syair, prosa dan *amthāl* serta Hadis. Contoh kajian yang dilaksanakan ialah kajian °Alyāwi (2012) yang mengenal pasti dan menghasilkan kamus leksikal haiwan dalam al-Quran berserta keterangan ayat dan penjelasan. Kajian °Abbās (2018) tertumpu pada leksikal haiwan dalam *Dīwān* Ḥassān bin Thābit telah berjaya mengkategorikan leksikal haiwan dalam syair tersebut kepada empat kategori, iaitu haiwan, burung, serangga dan reptilia. Manakala, kajian °Āshūr (1992) pula berjaya mengenal pasti 20 leksikal haiwan dalam Hadis Nabi Muhammad SAW yang mempunyai kisah tertentu. Pengenalpastian leksikal tersebut dalam sumber tersebut didasari oleh matlamat lain seperti menilai *i°jāz* penggunaan leksikal haiwan dalam al-Quran (°Abdullāh, 2001; Ḥāmid, 1980; al-Najār, 2006; °Uthmān, 2000). mengaitkan leksikal tersebut dengan kisah tertentu (Bahjat, 1983; al-Mahdi, 1995; al-Zawāwi, 2008) atau hanya bertujuan menyenaraikan leksikal tersebut dan mengagihkannya mengikut kategori tertentu (°Alyāwi, 2012)

Kamus boleh dianggap sebagai satu sumber rujukan bahasa Arab. Hal ini dikatakan demikian kerana kamus merupakan sarana penting yang mengungkapkan kosa kata sesebuah masyarakat (Hanafi & Nur Azalina, 2011; Ibrahim, 2015, hlm. 1). Lebih-lebih lagi kamus dwibahasa Arab-Melayu yang bertindak sebagai sumber rujukan kepada penterjemah dan pelajar bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, pengenalpastian leksikal haiwan dalam kamus tersebut wajar dilakukan. Namun, tinjauan pengkaji pada

peringkat Malaysia menunjukkan tumpuan pengenalpastian leksikal tersebut secara menyeluruh melibatkan sesebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu dan mengaitkan pengenalpastian tersebut dengan strategi padanan dalam kamus dwibahasa Arab-Melayu masih langka untuk diketengahkan.

Dalam pada itu, tinjauan persuratan menunjukkan ramai sarjana tempatan telah melaksanakan kajian berkaitan dengan strategi padanan dalam kamus dwibahasa di Malaysia. Perkara pokok kepada penghasilan kajian berkaitan dengan strategi padanan ini boleh dikaitkan dengan kesukaran menentukan padanan yang sepadan dalam bahasa sasaran bagi leksikal bahasa sumber (al-Kasimi, 1971, hlm. 61). Antara sarjana tersebut termasuklah Fadilah (2008, 2009), Fariza, Zuraini Yeop dan Zaiton (2008) dan Noresah (2009). Dapatan kajian Fadilah (2008) menunjukkan penyusunan kamus dwibahasa yang melibatkan penterjemahan kata entri ke bahasa lain menghasilkan tiga bentuk padanan, iaitu padanan lengkap, separa lengkap dan nol atau tiada padanan langsung. Sesuatu padanan dikira lengkap jika semua maklumat dapat disampaikan dengan baik dari segi semantik dan laras dari satu bahasa kepada bahasa yang lain. Manakala terjemahan separa lengkap dikira jika terdapat rumpang leksikal. Ketiga-tiga bentuk padanan ini telah menghasilkan strategi padanan dalam kamus dwibahasa yang melibatkan satu kata seperti padanan bagi *bald* iaitu 'botak', dua kata seperti 'tidak berbulu', padanan yang mengandungi glos atau keterangan, peminjaman kata atau frasa. Dapatan kajian lanjut Fadilah (2009) terhadap strategi padanan dalam *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* (KIMD) mendapati padanan dalam bentuk kata, frasa, rumus algebra atau catatan penjelasan turut dipraktikkan bagi kata entri yang berupa kata monosemi (hanya ada satu makna). Namun, jika kata entri bersifat polisemi, iaitu mempunyai lebih satu makna, strategi padanan yang digunakan mencakupi penggunaan glos seperti sinonim, frasa, takrif lengkap, label dan catatan tatabahasa untuk membezakan makna bagi kata berpolisemi dalam KIMD.

Sementara itu, kajian strategi padanan dalam *Kamus Melayu-Inggeris Dewan* (KMID) oleh Fariza, Zuraini Yeop dan Zaiton (2008) menunjukkan strategi pendekatan keterangan yang dipelopori oleh *Collins COBUILD English Dictionary* telah digunakan dalam KMID. Strategi ini terdiri daripada ayat yang mudah, bersahaja, mirip kepada prosa biasa dan tidak melebihi 30 patah perkataan. Maklumat yang dimasukkan dalam pendekatan keterangan tersebut ialah maklumat berkaitan dengan genus, fitur kriteria dan komen.

Selain kajian di atas, Noresah (2009) turut melaksanakan kajian strategi pepadanan kata entri yang dikaitkan dengan *anisomorfisme* dalam dua buah kamus dwibahasa yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu *Kamus Melayu-Inggris Dewan* (KMID) dan *Kamus Thai-Melayu Dewan* (KTMD). Dapatan kajian beliau mendapati lima strategi padanan, iaitu satu lawan satu (*cicak-lizard*), satu lawan banyak (*potong – cut, slice, slaughter, amputate*), banyak lawan satu (*angkat, bawa, jinjit – carry*), satu lawan kosong (*tempoyak*) dan kosong lawan satu.

Kajian strategi padanan dalam kamus dwibahasa di Malaysia turut membabitkan leksikal berunsur budaya sosial. Intan Syafinaz dan Nor Zakiah (2008) telah mengkaji padanan 15 kata nama berunsur budaya sosial dalam dua buah kamus dwibahasa Melayu Inggeris, iaitu *Kamus Intelek Malay-English Dictionary* (IMED) dan *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris* (PBMBI). Dapatan kajian ini menunjukkan strategi padanan dalam PBMBI hanya terhad pada padanan bahasa Inggeris tanpa penerangan, sebaliknya strategi padanan dalam IMED pula ialah padanan yang disertakan penerangan dan ayat contoh dalam bahasa Inggeris.

Di samping tinjauan kajian berkaitan dengan leksikal haiwan dan strategi padanan dalam kamus dwibahasa di Malaysia, tinjauan persuratan juga dilakukan berkaitan dengan implikasi strategi padanan yang dipraktikkan dalam sesebuah kamus dwibahasa terhadap penyusunan kamus tersebut. Hasil kajian Chun Tai Hyun (2003, 2008) menunjukkan rasa tidak puas hati 73 peratus daripada 41 orang pelajar Korea yang mempelajari bahasa Melayu di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea dengan mutu kerja penyusunan kamus dwibahasa Melayu-Korea yang berpunca daripada strategi penggunaan perkataan '*ui iljong*' ('sejenis' dalam bahasa Melayu) dalam 769 daripada 1339 padanan kamus tersebut.

Kesimpulannya, sorotan persuratan terhadap kajian leksikal haiwan mendapati kajian pengenalpastian leksikal tersebut telah dijalankan dalam tiga sumber rujukan bahasa Arab, iaitu al-Quran, kesusasteraan Arab dan Hadis. Manakala, kajian berkaitan dengan strategi padanan dalam kamus dwibahasa di Malaysia pula tertumpu pada strategi padanan dalam kamus dwibahasa Melayu-Inggeris atau Inggeris Melayu dan mempunyai hubungan dengan semantik. Di samping itu, kajian strategi padanan tersebut juga dikaitkan dengan gejala *anisomorfisme* bahasa dan menyentuh budaya sosial. Dalam pada itu, kajian implikasi strategi padanan pula melibatkan penggunaan perkataan '*ui iljong*' (sejenis) dalam kamus dwibahasa pasangan Melayu-Korea.

Dengan kesimpulan ini, kelompangan kajian dalam kajian lepas yang berkaitan dengan leksikal haiwan dalam penyusunan kamus dwibahasa Arab-Melayu masih wujud dengan ketara, iaitu:

- a. Pengenalpastian leksikal haiwan dalam sesebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu masih memerlukan kajian secara menyeluruh.
- b. Perbincangan strategi padanan yang berhubung kait dengan ilmu terjemahan bagi leksikal haiwan dalam kamus dwibahasa Arab-Melayu masih memerlukan penerokaan yang rinci.
- c. Implikasi strategi padanan terhadap penyusunan sesebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu masih memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan fokus.

Berdasarkan keprihatinan para sarjana terhadap leksikal haiwan, kesukaran memadankan leksikal berunsur budaya dalam kamus dwibahasa dan implikasi strategi

padanan dalam penyusunan sesebuah kamus dwibahasa, maka satu kajian yang bertujuan mengenal pasti leksikal haiwan dalam sesebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu, menganalisis strategi padanan mengikut pendekatan leksikografi selain membincangkan implikasi strategi padanan kepada penyusunan kamus dwibahasa Arab-Melayu amat wajar dilakukan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Bagi merealisasikan kajian yang jelas dan teratur, perbincangan dalam kajian ini menyasarkan pencapaian tiga objektif utama:

- a. Mengetahui leksikal haiwan dalam *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (KBAMD).
- b. Menganalisis strategi padanan leksikal haiwan dalam KBAMD.
- c. Menghuraikan implikasi strategi padanan leksikal haiwan dalam KBAMD.

#### **1.5 Soalan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk menjawab tiga soalan kajian yang berikut:

- a. Apakah jenis leksikal haiwan yang terdapat dalam KBAMD?
- b. Apakah strategi padanan leksikal haiwan yang diaplikasikan oleh para penyusun KBAMD?
- c. Bagaimanakah strategi padanan leksikal haiwan memberikan impak kepada penyusunan KBAMD?

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Secara umum, kajian terhadap padanan yang merupakan satu unsur mikro bagi kamus adalah penting untuk menilai kepraktisan penyusunan kamus dwibahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kamus dwibahasa sangat diperlukan sebagai bahan rujukan penting yang menjadi pelengkap kepada proses penterjemahan, pembelajaran dan pengajaran bahasa asing (Nor Ida & Norizah, 1994; Tomaszczyk, 1993, hlm. 3). Penterjemah akan merujuk kamus dwibahasa untuk mencari padanan terjemahan dan maklumat linguistik seperti maklumat kolokasi (Intan Shafinaz, 2011; Norizah, 2008). Pelajar atau guru bahasa asing sama ada pada peringkat sekolah menengah mahupun universiti pula akan merujuk kamus dwibahasa untuk mencari padanan entri dan maklumat tentang penggunaan kata dalam konteks (Intan Shafinaz, 2011; Nor Zakiah & Intan Safinaz, 2003).

Sementara itu, padanan dalam kamus dwibahasa Arab-Melayu seringkali dirujuk untuk memahami sumber utama agama Islam, iaitu al-Quran dan Hadis serta buku-buku agama yang ditulis dalam bahasa Arab. Di samping itu, padanan dalam kamus tersebut juga dijadikan rujukan dalam proses pengajaran bahasa Arab pada semua peringkat pembelajaran sama ada sekolah, universiti mahupun pondok-pondok (Hanafi & Nur Azalina, 2011 hlm. 232).

Selain itu, kajian ini juga dapat merencanakan kajian tentang kamus dwibahasa. Menurut Intan Shafinaz (2011, hlm. 7), kajian dan penulisan berkaitan dengan kamus dwibahasa di Malaysia tidak serancak berbanding dengan kajian dan penulisan berkaitan dengan kamus ekabahasa walaupun sejarah penyusunan kamus dwibahasa telah bermula sejak abad ke-15 lagi dan merupakan jenis kamus terawal yang muncul di Tanah Melayu. Penulisan dan perbincangan mengenai kamus dwibahasa di Malaysia agak sepi jika dibandingkan dengan penulisan berkenaan dengan kamus ekabahasa. Jumlah penulisan mengenainya agak kecil dan dihasilkan kebanyakannya oleh para penyusun kamus dwibahasa DBP dan pensyarah universiti seperti penulisan Nor Hashimah Jalaluddin (1993), Nor Azizah dan Azizah (1994), Noresah Baharom dan Fadilah Jasmani (2003).

Keadaan ini tidak selari dengan kepesatan penerbitan kamus dwibahasa di Malaysia selepas tahun 1950-an yang sepatutnya diiringi penilaian dan pengkajian oleh pengkaji dan sarjana terhadap kamus-kamus yang telah diterbitkan. Cadangan dan strategi tertentu wajar dikemukakan agar kualiti kamus dwibahasa tersebut dapat dipertingkatkan. Hal yang sama pernah disuarakan oleh Intan Shafinaz (2011, hlm. 3) agar pakar dalam bidang linguistik atau leksikografi turut memberikan fokus pada aspek penyusunan kamus dan pemantauan kualiti kamus dwibahasa yang dihasilkan secara serentak kerana kamus dwibahasa ini sering dijadikan rujukan oleh pelajar, pensyarah, pengguna bahasa dan masyarakat.

Kajian ini juga boleh menyumbang kepada kajian kritikan kamus dwibahasa. Kajian kritikan ini bermaksud aktiviti menilai semula produk hasil aktiviti perkamusan dengan tujuan memberikan maklumat mengenai kualiti sesuatu kamus dwibahasa dan maklumat tersebut dapat digunakan untuk menaik taraf kualiti sesuatu kamus dwibahasa tersebut. Hasil kajian tentang kamus dwibahasa ini sedikit banyak mampu memberikan impak positif ke arah membantu industri perkamusan dalam meningkatkan kualiti penyusunan kamus dwibahasa (Hartmann dalam Jackson, 2002, hlm. 173). Di samping itu, kajian yang terhasil ini juga dapat memperkenalkan proses penyusunan kamus kepada dunia luar yang berminat untuk mengetahui mengenainya (Intan Shafinaz, 2011, hlm. 7).

Pada skala yang lebih khusus, kajian ini akan memberi maklumat berkaitan dengan leksikal haiwan yang terdapat dalam KBAMD. Selain itu, strategi padanan yang telah dianalisis boleh dijadikan panduan dalam menyusun kamus dwibahasa Arab-Melayu

atau dipanjangkan untuk kajian seterusnya dalam aspek kesesuaian padanan, semantik dan sebagainya.

## **1.7 Batasan Kajian**

Menurut Ahmad Sunawari (2007 hlm. 40), tujuan batasan kajian dinyatakan dalam setiap kajian adalah untuk mengelakkan berlakunya kekurangan maklumat yang relevan atau lebih maklumat yang tidak diperlukan. Sehubungan dengan itu, batasan kajian ini dijelaskan dalam tiga aspek, iaitu bidang, sumber data dan data kajian.

### **1.7.1 Bidang Kajian**

Kajian ini digolongkan dalam dalam bidang leksikografi atau penyusunan kamus. Kajian ini melibatkan penilaian penyusunan yang berkaitan dengan kamus dwibahasa Arab-Melayu. Tumpuan kajian ini ialah leksikal haiwan dalam bahasa Arab yang membentuk kata entri KBAMD dan strategi pepadanan leksikal tersebut dengan padanan yang sesuai dalam bahasa Melayu. Kajian ini tidak menumpukan perhatian pada makna leksis atau padanan dalam kamus tersebut secara rinci. Walau bagaimanapun, perbincangan secara tidak langsung tentang makna kata entri atau padanan berlaku mengikut keperluan analisis kajian. Dengan demikian, perbincangan dalam kajian ini tidak akan melibatkan leksikal haiwan dan strategi pemerian makna leksikal tersebut dalam ekabahasa Arab atau Melayu.

### **1.7.2 Sumber Data Kajian**

Kajian ini berkisar tentang maklumat yang terdapat dalam *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (KBAMD) sahaja. Kamus ini merupakan salah sebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu yang mula diterbitkan pada tahun 2006 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui percetakan Syarikat Dawama Sdn. Bhd. Kamus ini menggunakan kata entri dalam bahasa Arab dan padanannya dalam bahasa Melayu. Padanan kamus ini ditulis menggunakan tulisan jawi.

Menurut para penyusun KBAMD (2006), penerbitan kamus dwibahasa ini bertujuan memenuhi keperluan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab di samping meraikan persekitaran dan kebudayaan orang Melayu. Oleh yang demikian, kamus ini berperanan besar dalam menyebarkan kebudayaan Arab dalam kalangan orang Melayu dan peranan ini dapat menjamin kesinambungan budaya Arab sepanjang zaman (Hanafi & Nur Azalina, 2011, hlm. 288).

Penyusunan KBAMD dilakukan berpandukan konsep *'bilingualised dictionary'* (Hartmann & James, 1998). Asas konsep ini ialah menterjemahkan beberapa kamus ekabahasa Arab yang termasyhur seperti *Qāmūs al-Muḥīṭ*, *al-Munjid* dan *al-Muʿjam al-ʿArabiy al-Asāsiy* dengan mengambil kira konteks bahasa Melayu. Kata entri dalam kamus dwibahasa ini disusun mengikut bab yang dinamakan berdasarkan susunan huruf *hijāʿiyyah*. Kata entri tersebut merupakan kata dasar bagi sesuatu perkataan. Kedudukan sesuatu entri dalam kamus ini ditentukan oleh susunan huruf dalam kata dasar tersebut. Para penyusun kamus ini mendahulukan kata kerja terlebih dahulu berbanding dengan kata nama dalam menyusun kedudukan setiap entri.

Justifikasi pemilihan KBAMD sebagai sumber data kajian ini didorong oleh beberapa faktor, antaranya:

- a. Kamus ini merupakan sebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu, bersaiz besar dan mempunyai jumlah kata entri yang banyak, iaitu mencecah 54,000 patah perkataan.
- b. Kamus ini disusun dan dihasilkan oleh para penyusun yang berpengalaman tinggi serta berpengalaman luas dalam bahasa Arab. Antara mereka yang terlibat dalam menyusun kamus ini termasuklah Othman Khalid, Abd Halim al-Muhammadi, Abd Halim Muhammad, Hasan Basri Awang Mat Dahan, Abd Munir Mohd Noor, Ahmad Hanafi Mohd Ali dan Mohd Shukri Hamzah.
- c. Kamus ini juga diterbitkan oleh pihak yang berautoriti, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka.

### 1.7.3 Data Kajian

Data kajian ini ialah data tekstual yang dipetik daripada KBAMD. Data tersebut merupakan set leksikal Arab berkaitan dengan haiwan yang dijadikan kata entri KBAMD dan padanannya dalam bahasa Melayu. Kesemua leksikal dan padanannya yang berkaitan dengan haiwan akan dikumpulkan dan disalin semula bermula daripada bab *Alif* (ا) sehingga *Ya* (ي). Oleh itu, data selain leksikal haiwan tersebut sama ada yang terdapat dalam atau luar KBAMD tidak akan dianalisis. Ini termasuk kata kerja transitif atau tak transitif, berimbuhan atau tidak berimbuhan, partikel atau kata nama yang bukan leksikal haiwan.

Dalam kajian ini, leksikal haiwan merujuk kata nama bahasa Arab yang dikaitkan dengan semua jenis haiwan daripada kumpulan vertebrata atau invertebrat. Vertebrata ialah haiwan yang mempunyai tulang belakang yang terdiri daripada ikan, amfibia, reptilia, burung dan mamalia (KD, 2007, hlm. 1789), manakala invertebrata pula ialah haiwan yang tidak bertulang belakang seperti cacing, udang dan siput (KD, 2007, hlm. 585).



Fadilah (2008b) ketika menyusun *Kamus Inggeris–Melayu Dewan* (KIMD) merumuskan bahawa leksikal flora yang mengandungi konsep budaya yang spesifik dalam perkataan bahasa sumber sukar untuk dipadankan dalam bahasa sasaran. Leksikal haiwan dan leksikal flora merupakan dua jenis leksikal berunsur budaya yang digolongkan dalam budaya ekologi (Newmark, 1998). Sehubungan dengan itu, pemilihan leksikal haiwan sebagai data kajian ini dibuat berasaskan kesukaran menentukan padanan leksikal yang mengandungi konsep budaya ekologi.

## **1.8 Definisi Operasional**

Fokus dalam subtopik definisi operational ini ialah penjelasan ringkas tentang istilah-istilah yang mempunyai kaitan rapat dengan kajian ini. Dengan penjelasan ringkas ini, para pembaca dapat memahami dengan lebih baik kandungan kajian. Antara istilah tersebut termasuklah:

### **1.8.1 Strategi**

Dalam *Kamus Dewan* (2007), strategi dikaitkan dengan ilmu tentang cara-cara merancang atau melaksanakan tindak tanduk peperangan. Walau bagaimanapun perkataan strategi dalam kajian ini bermaksud bentuk linguistik tertentu dalam bahasa Melayu.

### **1.8.2 Padanan**

Padanan bermaksud ‘kata atau frasa yang sama atau bersamaan dengan kata atau frasa dalam bahasa lain’ (Harimurti, 1993). Contohnya, leksikal بيت في dalam bahasa Arab merupakan padanan kepada leksikal ‘rumah’. Kata atau frasa turut dikenali sebagai unit linguistik. Oleh itu, maksud perkataan ‘padanan’ dalam kajian ini ialah unit linguistik bahasa Melayu dipadankan dengan leksikal bahasa Arab dalam *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (KBAMD).

### **1.8.3 Leksikal**

Leksikal didefinisikan dalam *Kamus Dewan* dengan perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau lebih dikenali dalam istilah linguistik dengan lexis (Md Nor Ab. Ghani et al., 2005, hlm. 912). Dengan takrifan ini, ‘leksikal’ merangkumi kosa kata dan istilah dalam sesuatu bahasa. Kosa kata ialah perbendaharaan kata yang secara umum dimiliki oleh pengguna bahasa tanpa mengira bidang (Asmah, 1993) manakala istilah ialah perbendaharaan kata yang dicipta oleh ahli-ahli bidang tertentu dan

maksudnya juga terhad dalam bidang tersebut sahaja. Walau bagaimanapun, perkataan 'leksikal' dalam kajian ini merujuk kosa kata yang menjadi entri kamus KBAMD.

## 1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan perkara-perkara asas berkaitan dengan kajian yang bertajuk 'Strategi padanan leksikal haiwan dan implikasinya dalam penyusunan *Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD)*'. Dorongan bagi pelaksanaan kajian ini telah dijelaskan dalam latar belakang kajian yang menekankan aspek leksikal haiwan dan pengumpulannya serta kesukaran memadankan leksikal berunsur budaya dalam kamus dwibahasa. Perbincangan diikuti oleh pernyataan masalah kajian yang menyimpulkan kewajaran kajian ini dilakukan berdasarkan kelompangan kajian lepas. Dalam bab ini, pengkaji menggariskan tiga objektif kajian yang ingin dicapai. Objektif tersebut dibina berasaskan tiga soalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini. Seterusnya, pengkaji menjelaskan batasan kajian dan definisi opsional bagi beberapa istilah yang digunakan agar pembaca mendapat kefahaman yang jelas tentang kajian yang dijalankan.

Dalam bab kedua yang berikut, pengkaji membincangkan aspek penyusunan dan padanan kamus dwibahasa Arab-Melayu serta perhatian para sarjana Arab-Islam terhadap leksikal haiwan. Perbincangan ini dilakukan berpandukan buku-buku ilmiah dan kajian lampau yang berkaitan dengan kamus dwibahasa secara umum, kamus dwibahasa Arab-Melayu secara khusus dan leksikal haiwan. Keseluruhan perbincangan diakhiri dengan analisis kritis dan pernyataan tentang jurang kajian serta rancangan yang diatur oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- °Abbās, Suhād Yās. (2018). Mu°jam Alfāz al-Ḥayawān fī Dīwān Ḥassān bin Thābit. *Basic Education College Magazine for Educational & Humanities Sciences*, (38): 1656–1678.
- °Alyāwiy, °Umar. (2012). Asmā' al-Ḥayawān fī al-Qur'ān al-Karīm. Tesis Sarjana. Jāmi'ah Farḥāt °Abbās, Saṭīf.
- °Āshūr, °Abd al-Laṭīf. (1992). *Qaṣaṣ al-Ḥayawān fī al-Ḥadīth al-Nabawiy*. Al-Riyāḍ: Al-Dār al-Bayḍā' li al-Nashr wa al-Tawzī°.
- Al-Asmāk al-Imārāt al-°Arabiyah al-Muttaḥidah*. (2003). Abū Zabi: Al-Majma° al-Thaqāfi.
- Abd Rauf Hassan. (2005). Pemikiran Syeikh Mohd Idris al-Marbawi dalam Penyusunan Kamus Dwibahasa: Satu Perbandingan Terhadap Kamus Arab Klasik. In. Farid Mat Zain, Jaffary Awang, & Rabitah Mohd Ghazali (Eds.), *Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu* (pp. 1–9). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Nuh, & Oemar Bakry. (1996). *Kamus Melayu-Arab-Inggeris/Arab-Melayu-Inggeris*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Abdullah Hassan. (1970). Kamus Dewan. *Dewan Bahasa*, 339–347.
- °Abdullāh, Muḥammad Maḥmūd. (2001). *Al-Qur'ān wa °Ālam al-Ḥayawān*. Iskandariyyah: Al-Mu'assasāt Shabāb al-Jāmi'ah.
- Adamska-sa, A. (2013). Equivalence, Synonymy, And Sameness Of Meaning In A Bilingual Dictionary. *International Journal of Lexicography*. 26(3): 329–345.
- Ahmad Munawar Ismail, & Mohd. Nor Shahizan Ali. (2015). *Kaedah penyelidikan sosial daripada perspektif Islam* (2nd ed.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Othman. (1993). *Kamus Pustaka Melayu - Arab*. Kuala Lumpur: Darul fikir.
- Ahmad Sunawari, Long. (2007). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (3rd ed.). Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. (2010). *Teori dan Teknik Terjemahan* (2th ed.). Batu Caves, Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1987). *Perkamusan Melayu: Satu Penilaian*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.

- Asmah Haji Omar. (1993). *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Melayu* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). Perkamusan Melayu: Dari Jejak Pengembara ke Pembangunan Negara. In Nor Hashimah Jalaluddin & Rusmadi Baharudin (Eds.), *Leksikologi dan Leksikografi Melayu* (pp. 3–17). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayto, J. R. (1993). Tentang Penetapan Makna. In R. R. K. Hartmann (Ed.), *Leksikografi: Prinsip dan Amalan* (Zainab Ahmad, Trans.) (pp. 94–104). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azani Ismail @ Yaakub. (2015). Penterjemahan Konstektual Leksikal Qāla dan Derivasinya dalam al-Quran. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Azizah Md Hussain. (1994, November). Kesepadanan Terjemahan dalam Kamus Inggeri-Melayu Dewan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 1000–1010.
- Al-Ba‘albākiy, Munīr. (1981). *Mawsu‘āt al-Mawrid*. Bayrūt: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Bahjat, Aḥmad (1983). *Qiṣaṣ al-Ḥayawān fī al-Qur’ān*. Bayrūt: Dār al-Sharq.
- Baker, M. (1993). *In Other Words: A Coursebook on Translation*. London: Routledge.
- Baker, M., & Saldanha, G. (2009). *Routledge Encyclopedia of Translation Studies* (2nd ed.). London: Routledge.
- Barniy, Difīd. (2007). *Al-Mawsu‘ah al-‘Ilmiyyah al-Muṣawwarah li al-Ḥayawān*. Kuwait: Kingfisher.
- Bauer, W. (1999) The role of intermediate languages in translations from chinese into German. In *De l'un au multiple: Traduction du chinois vers les langues européennes. Translation from Chinese into European Languages* [online] (pp. 19-32). Paris: Éditions de la Maison des sciences de l’homme.
- Bejoint, H. (2000). *Modern Lexicography: An Introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Catford, J. (1996). *Teori Linguistik bagi Penterjemahan*. (Uma A/P Iyavoo & Chung Gaik Koh, Trans). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chaer, Abdul. (2007). *Leksikologi dan Leksikografi Indonesia*. Jakarta: Penerbit PT Rineka Cipta.
- Che Radiah Mezah. (2006). Analisis Kesilapan Leksikal dalam Karangan Bahasa Arab. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Chun Tai Hyun. (2003). Penterjemahan dan Perkamusan Dwibahasa: Bahasa Korea dan Bahasa Indonesia. In Abdullah Hassan (Ed.), *Terjemahan dalam Bidang Pendidikan* (pp. 225–234). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Chun Tai Hyun. (2008). Penterjemahan Nama Haiwan dan Tumbuh-Tumbuhan dalam Perkamusan Dwibahasa Melayu-Korea. In Abdullah Hassan, Hasuria Che Omar, Dahlina Daut Mohmud, & Sa'odah Abdullah (Eds.), *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu* (pp. 550–562). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Collins Dictionary of The English Language*. (1979). London & Glasgow: Collins
- Crytal, D. (1997). *Dictionary of Linguistics and Phonetics* (4th ed.). Oxford: Balckwell Publishers.
- Al-Damīriy, Muḥammad bin Mūsā bin ʿĪsā. (2003). *Ḥayāt al-Ḥayawān al-Kubrā*. Sunt. Aḥmad Ḥasan Basāj (2nd ed.). Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Difāʿ, ʿAliy ʿAbdullah (1987). *Ishām ʿUlamāʾ al-ʿArab wa al-Muslimīn fī ʿIlm al-Ḥayawān*. Bayrūt: Muʿassasat al-Risālah.
- Nafi@Hanafi Dollah. (2010) Contributions of Arabic Malay Bilingual Language Dictionaries. *Regional Conference on Arab & Islamic Civilisation Studies in the Malay Archipelago*. Brunei: University Al-Syariff Brunei Darussalam.
- Nafi@Hanafi Dollah, Alfa Muhammed Salisu & Nurazzelena Abdullah. (2015) Analysis of the impact of Arabic-Malay bilingual dictionaries in Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2 (3): 37-45.
- Nafi@Hanafi Dollah. (2015) Taṭwīr al-Muʿjam al-ʿArabiy al-Malāyūwiy fi al-Madāris. *National Conference on Arabic Language (NCAL 2015)*. Bangi: IPG Kampus Pendidikan Islam.
- Nafi@Hanafi Dollah & Zalika Adam. (2017) Taʾakhhur Ḥuhūr al-Maʿājim al-Malāyūwiyah al-Thunāʾiyyah: Dirāsah Tahlīliyyah Taʾšiliyyah. *The Journal of the College of Islamic & Arabic Studies*, 54: 247-280.
- Doshi, Asha. (1994). Ciri-Ciri Makna dalam Kamus Dwibahasa Inggeris-Melayu Selama Tiga Abad. In *Seminar Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Doshi, Asha. (1997). Lexical Item About Women In The English-Malay Bilingual Dictionary. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fadilah Jasmani. (2008). Kamus Dwibahasa: Terjemahan Lengkap dan Separa Lengkap. In Nor Hashimah Jalaluddin & Rusmadi Baharudin (Eds.), *Leksikologi dan Leksikografi Melayu* (pp. 522–537). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Fadilah Jasmani. (2009). Padanan dalam Kamus Inggeris-Melayu Dewan. In Noresah Baharum & et. al (Eds.), *Kamus dan Perkamusan Melayu* (pp. 273–280). Kuala Lumpur.
- Farah Hanini Abdul Rahman, Nor Azita Che Din, & Nor Diyana Saupi. (2013). Analisis Padanan Terjemahan Budaya (Perhiasan Diri): Satu Tinjauan Awal. In Hasuria Che Omar, S. S. Goh, & Hasmidar Hassan (Eds.), *Pendidikan dan Latihan Penterjemah dan Jurubahasa : Inovasi, Penilaian dan Pengiktirafan* (pp. 57–69). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Al-Fayrūzābādiy, Muḥammad bin Ya'qūb. (1998). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (6th ed.). Bayrūt: Mu'assasāt al-Risālah.
- Al-Ghazāliy, Najlā' °Abd al-Husīn °Alīwiy. (2013). Kitāb al-Ḥayawān li al-Jāḥiẓ wa Ḥayāt al-Ḥayawān al-Kubrā li al-Damīriy: Dirāsah Muwāzanah. *Majallat Jāmi'at Tikrit li al-°Ulum Al-Insāniyyah*, 20(11): 464–485.
- Gibbs, H. A. R. (2007). *Analyzing Qualitative Data*. (U. Flick, Ed.). London & Washington DC: SAGE Publicatin Ltd.
- Goh, Yin Soon & Azman Che Mat. (2009). Penterjemahan dan Budaya. In Hasuria Che Omar & R. Awang (Eds.), *Kelestarian Bidang Penterjemahan* (pp. 358–375). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Haas, M. R. (1967). What Belongs in A Bilingual Dictionary? In F. W. Householder & S. Saporta (Eds.), *Problem in Lexicography* (2nd ed.) (pp. 45–50). Bloomington: Indiana University.
- Al-Ḥajjāj, °Ādil Muḥammad. (2005). *Mawsu'ah A°lām al-°Arab wa al-Muslimīn fī °Ulūm al-Ḥayawān wa al-Nabāt*. Amman: Dār Usāmah li al-Nashr wa al-Tawzī°.
- Ḥāmid, °Abd Raḥmān Muḥammad (1980). *Al-Qur'ān wa °Ālam al-Ḥayawān*. Al-Khurṭūm: Al-Dār al-Sūdāniyyah li al-Kutub.
- Hanafi Dolah. (2015). Naḥw Iṣlāḥ al-Ta°rif bi Madākhil al-Ma°ājim al-°Arabiyyah al-Malāyuwiyyah al-Thunā'iyah li al-Ṭalabah fī al-Dirāsāt al-°Arabiyyah wa al-Islamiyyah. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, 6(2): 82–104.
- Hanafi Dolah & Nur Azalina Abdullah. (2011). *Dirāsāt Mu°jamiyyah wa Lughawiyyah Taqābuliyyah li al-Dārisīm fī al-Jāmi°āt al-Māliziyyah*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Harimurti, K. (1993). *Kamus Linguistik* (3rd ed.). Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hartmann, R. R. K., & James, G. (1998). *Dictionary of lexicography*. London: Routledge.

- House, J. (2000). Linguistic Relativity and Translation. In P. Martin & H. V. Marjolijn (Eds.), *Explorations In Linguistic Relativity* (pp. 69–88). Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Husaimi, Othman. (2002). *Perkamusan Arab dan Kajian Bandingan Antara Metodologi al-Khalīl dalam al-ʿAyn dengan al-Fayrūzābādīy dalam al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Al-Ḥuwayṭiy, Muḥammad Saʿīd. (2016). Al-Asmāʾ al-Dāllah ʿAlā al-Ḥayawānāt fī Kitāb al-Wuḥūsh li al-Aṣmaʿīy: Dirāsāt Dilāliyyah wa Muqāranah. *Journal of Linguistic & Literacy Studies*, 7(3): 6–25.
- Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukarram bin ʿAliy. (1993). *Lisān al-ʿArab* (3rd ed.). Bayrūt: Muʿassasat al-Tārīkh al-ʿArabiy.
- Ibrahim Ahmad. (1994). *Perkamusan Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad. (2005). *Perkamusan Melayu: Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibrahim Ahmad. (2015). *Asas Ilmu Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Mansor. (2011). *Procedures And Strategies in The Translation Into Malay of Cultural Elements of Rihlat Ibn Battuta*. The University of Leeds.
- Ilyās, Anṭuwān Ilyās & Ilyās, Edward Ilyās. (1969). *Al-Qāmūs al-ʿAṣri ʿArabiy Inkilāzīy* (9th ed.). al-Qāhirah: al-Maṭbaʿah al-ʿAṣriyyah.
- ʿInāniy, Muḥammad Muḥammad (2004). *Ṭuyūr Miṣr*. Al-Qāhirah: Mahrajān al-Qirāʾah li al-Jamīʿ.
- Intan Shafinaz Zainuddin. (2011). *Analisis Makna dan Padanan dalam Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Intan Shafinaz Zainuddin, & Nor Zakiah Abdul Hamid. (2008). *Tinjauan Unsur Budaya dalam Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris*. In Nor Hashimah Jalaluddin & Rusmadi Baharudin (Eds.), *Leksikologi dan Leksikografi Melayu* (pp. 495–507). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman. (2016). *Canggihnya Bahasa Malaysia: Sistem Pembentukan Ayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman (2016). *Canggihnya Bahasa Malaysia: Sistem Pembentukan Kata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-°Izziy, °Azīz al-°Aliy. (1987). *Al-Ṭayr fī Ḥayāt al-Ḥayawān li al-Damīriy*. Baghdad: Dār al-Syu'un al-Thaqāfah al-°Āmmah.
- Jackson, H. (2002). *Lexicography: An Introduction* (1st ed.). London and New York: Routledge.
- Al-Jāhiz, °Amr bin Baḥr. (1969). *Kitāb al-Ḥayawān*. Sunt. °Abd al-Salām Muḥammad Hārūn. (3rd ed.). Bayrūt: Dār Ihya' al-Turāth al-°Arabiy.
- Al-Jāhiz, °Amr bin Baḥr. (2008). *Kitāb al-Ḥayawān*. Sunt. Īmān Muḥammad Al-Shīkh & Gharīd Muḥammad Al-Shīkh. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Arabiy.
- Al-Jamāliy, Ḥaidar Karīm, & Abū Jāsīm, Muḥammad °Abd. (2019). Alfāz al-Ḥayawānāt al-Waḥshiyah fī Shi'r Da°bal al-Khuzā°iy: Dirāsāt Ihšā'iyah fī Daw' Nazariyyah al-Ḥuqūl al-Dilāliyyah. *Kufa Studies Center Journal*, (52): 137–158.
- Kamarul Azmi Ahmad. (2009). Masalah Padanan Makna Arab-Melayu: Satu Kajian Istilah Keluarga dan Masyarakat. Tesis Master. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Noresah Baharom, Md. Nor Ab. Ghani, Ibrahim Ahmad, Azizah Supardi, Saidah Kamin, Aziah Tajudin, Rodziah Abdullah (Eds.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*. (2002). (2nd. ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris Melayu Dewan*. (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Kasimi, A. M. (1977). *Linguistics and bilingual dictionaries*. Leiden: E.J Brill.
- Al-Kasimi, A. M. (1993). Kamus Untuk Penterjemah. In R. R. K. Hartmann (Ed.), *Leksikografi: Prinsip dan Amalan* (Zainab Ahmad, Trans.) (pp. 160–170). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1991). *Teori Semantik*. (Zaiton Abdul Rahman, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairudin Mohamed, Ghazali Ismail & Mastura Mohamed Berawi. (2014). *Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Perkamusan dan Terjemahan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Khairul Anuar Abu Othman. (2008). Nama-nama Haiwan dalam al-Quran al-Karim: Kajian Apek Bahasa dan Kemukjizatan al-Quran. Tesis Master. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.



- Larson, M. L. (1998). *Meaning-Based Translation: A Guide To Cross-Language Equivalence* (2nd. ed.). Lanham: University Press of America.
- Al-Libābīdiy, Aḥmad bin Mustafā (1997). *Muʿjam Asmāʾ al-Ashyāʾ al-Musamma al-Laṭāʾif fī al-Lughah*. Sunt. Aḥmad ʿAbd al-Tawwāb ʿAwād. Al-Qāhīrah: Dār al-Fādīlah.
- Al-Liḥām, Saʿīd Muḥammad. (1999). *Arwaʿ Mā Qāla fī al-Ṭuyūr wa al-Ḥayawānāt wa al-Hawām*. Bayrūt: ʿĀlam al-Kutub.
- Al-Mahdī, al-Ḥusayniy Shaʿbān. (1995). *Mā Warada fī al-Qurʾān Min al-Ṭayr wa al-Ḥayawān* (2nd ed.). Bayrūt: Dār Ibn Hazm.
- Al-Maʿlūf, al-Fariq Amīn. (1985). *Muʿjam al-Ḥayawān* (3rd ed.). Bayrūt, Lubnan: Dār al-Rāid Alal-ʿArabīy.
- Maʿlūf, Luwīs. (2001). *Al-Munjid fī al-Lughah wa al-Aʿlām*. t.tp.: Dār al-Fiḥ li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr.
- McAthur, T. (1998). *Living Words: Language, Lexicography and Knowledge Revolution*. Exeter: University of Exeter Press.
- Mohd Bakri Aziz. (2010). Ketepatan Padanan Puisi Arab dalam Kitab La Tahzan: Satu Analisis Bandingan. Tesis Master. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Hilmi Abdullah. (2008). *Teori dan Kaedah Penterjemahan Arab Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Hilmi.
- Al-Mousa, Yasmine., & Al-Rawashdeh, Basma. (2015). Semantic Relation in “Al-Ebel” Book by Al-Aṣmaʿiy. *Dirāsāt al-ʿUlūm al-Insāniyyah wa al-Ijtimaʿiyyah*, 42(1): 189–197.
- Al-Mudayhish, Ibrāhīm bin ʿAbdullāh. (1993). *Manhaj al-Damīriy fī Kitābihī Ḥayāt al-Ḥayawān*. t.tp: t. pt.
- Al-Mujaiwel, S.N. (2012). Contrastive Lexicology and Comparable English-Arabic Corpora-Based Analysis of Vague and Mistranslated Arabic Equivalence. University of Exeter’s.
- Al-Muʿjam al-Wasīṭ*. (1989). Istanbul: Dār al-Daʿwah.
- Muʿjam al-ʿArabīy al-Asāsīy*. (1999). Mesir: Al-Munazzamah al-ʿArabīyyah lī al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-ʿUlūm.
- Al-Mūsā, Yasmīn Saʿd, & Al-Ruwāshidah, Basmat ʿAwdah. (2015). Al-ʿAlāqāt al-Dilāliyyah fī Kitāb al-Ibl li al-Aṣmaʿiy. *Dirāsāt al-ʿUlūm al-Insāniyyah wa al-Ijtimaʿiyyah*, 42(1): 189–197.

- Mustafa Dollah. (1994). Penggunaan Kamus al-Marbawi di Kalangan Pelajar Tingkatan Lima Sekolah Menengah Agama Negeri Sembilan. Tesis Master. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Al-Najār, Zaghālū Rāghib Muḥammad. (2006). *Al-Ḥayawān fī al-Qur'ān al-Karīm*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Newmark, P. (1983). Introductory Survey. In C. Picken (Ed.), *The Translator's Handbook* (pp. 1–17). London: Aslib.
- Newmark, P. (1998). *A Textbook of Translation*. Herfordshire: Prentice Hall.
- Newmark, P. (2006). *Al-Jāmi' fī al-Tarjamah*. (Ghazalat H., Trans.). Bayrūt: Dār wa Maktabat al-Hilāl.
- Nida, E. A. (1996). *Meneroka Struktur Semantik*. (Mashudi Kadir, Trans). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (2003). *The Theory And Practice of Translation*. Leiden: Brill.
- Nik Safiah Karim. (2013). *Sepintas Lalu Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan* (3rd ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azizah Abu Bakar & Azizah Md. Hussain. (1994). Kesepadanan terjemahan dalam Kamus Inggeris-Melayu Dewan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 38(11): 1000–1010.
- Nor Ida Ramli & Norizah Ardi. (1994). Kamus : Keperluan Penterjemah. In *Seminar Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Zakiah Abdul Hamid & Intan Safinaz Zainudin. (2003). The Use of Dictionaries in Translating Culture-Specific Item: A Case Study at The National University of Malaysia. In B. B. Gulen, L. Boztas, & C. Veldhues (Eds.), *Translation Studies In The Millennium Proceedings* (pp. 61–70). Ankara: Bilkent University.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Noresah Baharom. (2008). Perkamusan di Malaysia. In Nor Hashimah Jalaluddin & Rusmadi Baharudin (Eds.), *Leksikologi dan Leksikografi Melayu* (pp. 18–52). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom. (2009a). Imbasan Sejarah Kamus Dwibahasa Di Malaysia. In Noresah Baharom et.al (Eds.), *Kamus dan Perkamusan Melayu* (pp. 106–114). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Noresah Baharom. (2009b). Penterjemahan dalam Penyusunan Kamus Dwibahasa: Pengalaman DBP. In Noresah Baharom et.al (Ed.), *Kamus dan Perkamusan Melayu* (pp. 115–131). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom & Rusli Abdul Ghani. (2009). Kamus dan Perkamusan. Dlm. Noresah Baharom (Ed.), *Kamus dan Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norizah Ardi. (2008). Kamus Lengkap: Dari Perspektif Pelajar Kursus Terjemahan. In Nor Hashimah Jalaluddin & Rusmadi Baharudin (Eds.), *Leksikologi dan Leksikografi Melayu* (pp. 714–722). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norma Mohamad. (2003). Penggunaan Kamus Arab-melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Master. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norwati, Md. Yusof. (2001). Penggunaan korpus dalam kajian bahasa dan terjemahan berlandaskan terjemahan bermesin. In Norwati Md. Yusof, Kalthum Ibrahim, Mohamed Zain Sulaiman, & Zulkifli Ahmad (Eds.), *Bahasa Melayu dan Terjemahan Sebagai Penjana Komunikasi Global* (pp. 107–118). Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Bahasa, UKM.
- Nurul Aminah, Basharudin & Hasnah Mohamad. (2015). Kamus dan Peranannya dalam Meningkatkan Minat Kanak-Kanak Mempelajari Bahasa. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(1): 79–90.
- Othman, Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif* (6th ed.). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*. (2008) (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Poedjosodarmo, Gloria. R. (1989). *Linguistik Historis*. Bandar Seri Begawan: Pusat Teknologi Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Qāsim, Riyāḍ Zakī. (1987). *Al-Muʿjam al-ʿArabiy: Buhūth fī al-Mādah wa al-Manhaj wa al-Taṭbiq*. Bayrūt: Dār al-Maʿrifah.
- Al-Qāsimiy, ʿAliy Muḥammad. (1991). *ʿIlm al-Lughah wa Ṣhināʿat al-Muʿjam* (2nd ed.). Riyadh: University al-Malik Saʿūd.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

- Saiful Johari Musahar. (2011). *Pemerian Makna Kata dalam Perkamusan Arab*. Tesis Master. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saldana, J. (2010). *The Coding Manual for Qualitative Researchers* (2nd ed.). London: SAGE Publicatin Ltd.
- Salinah Ja'afar & Chin, Doreen Foo Hui. (2016). *Sinonim dan Kelingkaran Makna dalam Kamus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Shamariy, Huza<sup>c</sup>. <sup>c</sup>Id. (1988). *Mu<sup>c</sup>jam Asmā' al-Asad*. al-Riyād: Dār Ummiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi<sup>c</sup>.
- Shakar, Shākir Hādī. (1985). *Al-Ḥayawān fī al-Adab al-<sup>c</sup>Arabiyy*. Bayrūt: Maktabat al-Nahḍah al-<sup>c</sup>Arabiyyah.
- Shuttleworth, M., & Cowie, M. (1997). *Dictionary of Translation Studies*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Siti Rohanafizah Abu Aziz (2012). Analisis Perbandingan Kamus Ekabahasa Dengan Kamus Dwibahasa. Tesis Master. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Snell-Hornby, M. (1990). Dynamics in Meaning as A Problem for Bilingual Lexicography. In J. Tomaszyczck & L. T. Barbara (Eds.), *Meaning and Lexicography* (pp. 209–226). Philadelphia: J. Benjamins Publishing Company.
- Sri Parwati Maryam, Sidharta. (2003). Penterjemahan dan Kedwibahasaan Kajian Tentang Hubungan Antara Kemampuan Menterjemahkan dan Kemampuan Kedwibahasaan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Svensen, B. (1993). *Practical Lexicography: Principles and Methods of Dictionary-Making*. J. Sykes & K. Schofield (Eds.). New York: Oxford University Press.
- Svensen, B. (2009). *A Handbook of Lexicography*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Syakirah Mohd. Razman. (2004). Penggunaan Kamus dalam Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar Tingkatan Tiga di Empat Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Master. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Ismail Syed Mustafa, Ismail Raduan & Bushro Ali. (2018). *Asas Penyelidikan dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah. (2001). Faktor Leksis dan Budaya dalam Terjemahan Arab-Melayu : Satu Analisis Karya Rihlah Ibn Battutah. Tesis Master. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2015). Analisis Makna Implisit dan Eksplisit dalam Penterjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' ke Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Teeuw, A. (1964). Tentang Kamus dan Perkamusan Melayu. *Dewan Bahasa*, 388–398.
- Al-Tha<sup>ʿ</sup>ālubiyy, <sup>ʿ</sup>Abd Malik bin Muḥammad bin Ismā<sup>ʿ</sup>īl. (2000). *Fiqh al-Lughah wa Asrār al-Arabiyyah*. Sunt. Yasīn. al-Ayyūbī (2nd. ed.). Bayrūt: Al-Maktabah al-<sup>ʿ</sup>Aṣriyyah.
- Tomaszczyk, J. (1993). Tentang kamus dwibahasa. In R. R. K. Hartmann (Ed.), *Leksikografi: Prinsip dan Amalan* (pp. 43–54). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tomaszczyk, J. (1984). The Culture-Bound Element In Bilingual Dictionaries. In R. R. K. Hartmann (Ed.), *LEXeter' 83 Proceedings* (pp. 289–297). Tubingen: Max Niemeyer Verlag.
- <sup>ʿ</sup>Umar, Aḥmad Mukhtār (2008). *Muʿjam al-Lughah al-<sup>ʿ</sup>Arabiyyah al-Mu<sup>ʿ</sup>āṣarah*. Al-Qāhirah: <sup>ʿ</sup>Ālam al-Kutub.
- Umi Rahimah Abd. Wahab. (2013). Kategori Haiwan Sebagai Mathal dalam al-Quran. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- <sup>ʿ</sup>Uthmān, Muḥammad <sup>ʿ</sup>Uthmān. (2000). *Āyāt Allah fī al-Naḥl, al-Naml, al-Ba<sup>ʿ</sup>ūd, al-Dhubāb, al-<sup>ʿ</sup>Ankabūt, al-Ṭuyūr, al-Qunfudh, al-An<sup>ʿ</sup>ām, al-Khayl, al-Bighāl*. Bayrūt: Dār al-Rashīd.
- Ya<sup>ʿ</sup>qūb, Imīl Badī<sup>ʿ</sup>. (2006). *Mawsuʿat <sup>ʿ</sup>Ulum al-Lughah al-<sup>ʿ</sup>Arabiyyah*. Lebanon: Dār al-Kutub al-<sup>ʿ</sup>Ilmiyyah.
- Al-Yasū<sup>ʿ</sup>iy, Rafā<sup>ʿ</sup>il Nakhlah. (1996). *Gharā<sup>ʿ</sup>ib al-Lughah al-<sup>ʿ</sup>Arabiyyah* (5th ed.). Bayrūt: Dār al-Mashriq.
- Yazjī, <sup>ʿ</sup>Adnān. (1997). *Mawsuʿat al-Ṭuyūr al-Muṣawwarah*. Bayrūt: Maktabat Lubnān Nāshirūn.
- Zainab Awang Ngah. (1990). *Perkamusan Melayu/Indonesia: Satu Bibliografi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005). Kamus dan Kehidupan. *Dewan Bahasa*, June, 46–49.
- Zamri Arifin, & Md Nor Abdullah. (2006). Kamus al-Marbawi: Karya Sarjana Melayu/Mesir dan Sumbangan Kepada Pengajian Bahasa Arab. In Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob (Eds.), *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia* (pp. 464–473). Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM.

Al-Zawāwiy, Khālīd (2008). *Qiṣaṣ al-Ḥayawān fī al-Qur'ān*. Iskandariah: Mu'assasāt Hurās al-Dawliyyah li al-Nashr.

Zgusta, L. (1971). *Manual Of Lexicography*. The Hague, Paris: Mouton.

Zgusta, L. (1984). Translational Equivalence in The Bilingual Dictionary. In R. R. K. Hartman (Ed.), *LEXeter' 83 Proceedings* (pp. 147–154). Tübingen: Max Niemeyer Verlag.

Zgusta, L. (1988). *Lexicography Today an Annotated Bibliography of The Theory of Lexicography*. Farina D. M. T. C. (Ed.). Tübingen: Niemeyer.

Al-Zirikliy, Khayr al-Dīn. (2002). *Al- 'A'lām* (15th ed.). Bayrūt: Dār 'Ilm li al-Malāyīn.